

16/06/2002

Pengeluar ubat rawatan Aids digesa turun harga

KUALA LUMPUR: Dua syarikat pengeluar ubat antiretroviral yang digunakan dalam terapi rawatan bagi pengidap HIV/Aids digesa turut mengurangkan harga produk itu bagi membolehkan lebih ramai pesakit mendapatkan rawatan.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata lima syarikat pengeluar ubat itu sudah pun menurunkan harga masing-masing sehingga 68 peratus berbanding sebelum ini.

"Ubat antiretroviral adalah rawatan paling berkesan yang mana penggunaannya membabitkan gabungan tiga ubat pada masa yang sama dan melalui pengurangan kos bermakna lebih ramai pesakit dapat menerima rawatan.

"Peningkatan bilangan pesakit yang mampu mengambil ubat ini juga bermakna lebih ramai yang boleh hidup secara normal, mengekalkan produktiviti dan hidup berkeluarga," katanya selepas merasmikan forum Terapi Antiretroviral Sangat Aktif (HAART) Kebangsaan 2002 anjuran MAC di sini, semalam.

Marina berkata, pengurangan harga ubat itu juga akan mengubah persepsi orang ramai bahawa masih ada harapan bagi pembawa HIV atau pesakit Aids, yang mana akan menggalakkan lebih ramai orang mengambil ujian HIV/Aids secara sukarela.

"Ini penting kerana jika pembawa atau penghidap tidak mendapatkan rawatan, mereka tidak akan menerima kaunseling kaedah mengelak daripada menyebarkan penyakit itu kepada pasangan atau orang terdekat yang diberikan kepada mereka sewaktu rawatan," katanya.

Katanya, walaupun harga ubat yang dikeluarkan sebahagian pengeluar lebih murah sekarang berbanding tiga tahun lalu, tetapi sesetengah pesakit tidak sesuai mengambil ubat berkenaan, sebaliknya memerlukan ubat yang dikeluarkan oleh syarikat yang enggan menurunkan harganya.

(END)